

05/10/1997

JPK kenal pasti kaedah baru

KANGAR: Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) mengenal pasti beberapa kaedah baru yang diyakini mampu menjayakan matlamat menyemarakkan lagi perkembangan dan perjalanan koperasi di negeri ini.

Pengarah JPK Perlis, Mat Deris Jusoh, berkata antara kaedah itu ialah mewujudkan perhubungan dan kerjasama antara pelbagai peringkat koperasi di negeri ini.

Katanya, ini termasuk kerjasama antara koperasi baru dan lama, koperasi sudah maju dengan kurang maju dan koperasi yang mengurus niaga besar dengan yang mengurus niaganya kecil.

"Kita mendapati, perhubungan ini boleh diadakan dan pasti mendatangkan kesan memberangsangkan andainya betul-betul dilaksanakan oleh semua koperasi terbabit.

"Rasanya tidak menjadi satu kesalahan sekiranya koperasi yang dewasa atau besar itu sudi menerima atau mengambil yang muda seperti koperasi sekolah sebagai koperasi angkat mereka," katanya.

Menurutnya, dengan cara perkongsian ini, sudah pasti gerakan koperasi di negara ini akan cepat dapat digerakkan selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan pelaksanaan 'Perkongsian Yang Bijak'.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Anugerah Kualiti Koperasi peringkat negeri Perlis 1997 oleh Che Ah Long yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim di sini, malam semalam.

Mat Deris berkata, idea perkongsian bijak yang diutarakan Perdana Menteri itu bukan sesuatu yang asing kerana ia adalah bertepatan dengan salah satu prinsip koperasi iaitu bekerjasama di antara koperasi.

(END)